

SEJARAH PENDAKWAAN SYARIAH DAN PENUBUHAN JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI JOHOR

Ahmad Wafi bin Abdullah

- **PENGENALAN**

Sistem keadilan di Johor telah mengalami evolusi yang ketara daripada sistem berteraskan Hukum Syarak sepenuhnya kepada sistem dwi-perundangan moden. Perkembangan ini boleh difahami melalui beberapa fasa penting yang berlaku secara kronologi.

Pada **era Johor lama sebelum abad ke-19**, sistem keadilan adalah berasaskan sepenuhnya kepada **hukum syarak dan adat Melayu**. Sultan bertindak sebagai ketua hakim tertinggi, dibantu oleh kadi dan pembesar. Pada tahap ini, tiada pemisahan antara undang-undang agama dan pentadbiran, malah fungsi kehakiman, pentadbiran dan pendakwaan dilaksanakan secara bersepadu dalam kerangka Islam.

Memasuki **era pemodenan Johor di bawah Sultan Abu Bakar (sekitar 1860-an hingga awal abad ke-20)**, perubahan besar mula berlaku. Pada tahun **1868**, kewujudan Mesyuarat Kerajaan Johor membuktikan adanya badan perundangan dan kehakiman yang lebih tersusun. Seterusnya, pada tahun **1873**, Mahkamah Polis ditubuhkan berdasarkan Kanun Polis Johor, menandakan permulaan institusi kehakiman formal. Pada tahun **1883**, Mahkamah Tinggi (*Supreme Court*) diwujudkan, sekali gus memperkenalkan hierarki mahkamah yang lebih sistematik.

Walaupun terdapat unsur pemodenan, sistem keadilan pada masa ini masih berteraskan Islam. Hal ini dapat dilihat melalui pelantikan ulama sebagai hakim serta peranan Mufti sebagai penasihat undang-undang Islam. Kemuncak perkembangan ini ialah pada tahun **1913**, apabila Majalah Ahkam Johor diperkenalkan sebagai kod undang-undang bertulis berasaskan Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah dari Empayar Uthmaniyyah. Kod ini digunakan dalam urusan muamalat dan menjadi rujukan rasmi hakim serta pegawai perundangan. Era ini kalau boleh dikatakan merupakan era sistem **campuran (hybrid)** antara Islam dan elemen Barat, bukan lagi sepenuhnya tradisional tetapi belum mencapai dualisme sepenuhnya.

Perubahan paling ketara berlaku selepas **tahun 1914**, apabila Johor menerima *General Advisor*. Pada peringkat ini, sistem kehakiman sedikit demi sedikit mula mengalami transformasi besar. Jawatan hakim yang dipegang oleh ulama akhirnya dimansuhkan, dan Mufti hanya dirujuk dalam perkara berkaitan agama. Undang-undang Inggeris mula diperkenalkan secara meluas, terutamanya melalui pengaruh *common law*. Pada tahun **1937**, penggubalan undang-undang sivil mengukuhkan lagi pemakaian sistem perundangan Inggeris. Akibatnya, undang-undang Islam mula dihadkan kepada bidang tertentu sahaja seperti kekeluargaan dan agama.

Seterusnya, dalam tempoh **1946 hingga 1948**, melalui Ordinan Mahkamah, berlaku pemisahan yang lebih jelas antara mahkamah sivil dan mahkamah kadi. Pada tahun **1948**, struktur mahkamah moden diperkenalkan yang hanya mengiktiraf Mahkamah Sivil dalam hierarki utama, menyebabkan Mahkamah Syariah terpisah daripada sistem tersebut. Inilah titik sebenar bermulanya **sistem dwi-perundangan (*dual legal system*)** di Malaya termasuklah Johor.

Selepas kemerdekaan pada tahun **1957**, sistem ini dikekalkan dan diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah sivil berada di bawah bidang kuasa Persekutuan, manakala Mahkamah Syariah diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Di Johor, pengukuhan institusi Syariah berlaku melalui penggubalan undang-undang seperti **Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978**, diikuti dengan pembaharuan struktur Kehakiman dan Mahkamah Syariah pada tahun **2003** melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 yang memperjelaskan hierarki dan bidang kuasanya dan akan terus menjalani perkembangan terkini dari masa ke semasa.

Pada masa kini, sistem keadilan di Malaysia, termasuk Johor jelas mengamalkan dualisme:

- **Mahkamah Sivil:** Mengendalikan kes jenayah, sivil dan komersial berdasarkan common law
- **Mahkamah Syariah:** Mengendalikan kes berkaitan orang Islam seperti kekeluargaan dan kesalahan jenayah syariah terhad

Kesimpulannya, perkembangan sistem keadilan di Johor menunjukkan perubahan berperingkat daripada sistem Islam yang menyeluruh kepada sistem dualisme moden.

Sultan Abu Bakar memainkan peranan penting dalam memodenkan sistem kehakiman, namun pemisahan sebenar antara undang-undang sivil dan syariah hanya berlaku selepas campur tangan British pada tahun 1914 dan diperkukuhkan melalui perubahan undang-undang selepas itu. Oleh itu, sistem yang wujud hari ini merupakan hasil gabungan sejarah panjang antara tradisi Islam dan pengaruh perundangan Barat.

- **SEJARAH PENUBUHAN**

pendakwaan perbuatan mendakwa, pengemukaan (penyampaian) sesuatu dakwaan (tuduhan): *Inspektor Ali telah melakukan ~ terhadap Busu;*
pendakwa (orang, pihak) yg mendakwa: *pihak ~ dijangka akan memanggil lebih drpd 20 orang saksi; ~ raya pegawai yg mendakwa bagi pihak kerajaan.*

Tafsiran Pendakwa dan Pendakwaan sebagaimana Kamus Dewan.

Rasul SAW bersabda ;

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادَّعَى رَجَالٌ أَمْوَالَ قَوْمٍ
وَدِمَاءَهُمْ ، وَلَكِنَّ الْبَيِّنَةَ عَلَى الْمُدَّعِي وَالْيَمِينُ
"عَلَى مَنْ أَنْكَرَ"

Maksudnya:

"Sekiranya manusia diberikan (hak) berdasarkan dakwaan mereka, nescaya orang-orang akan mendakwa harta dan darah kaum yang lain. Namun, bukti (keterangan) diwajibkan ke atas pendakwa dan sumpah diwajibkan ke atas yang mengingkarinya (terdakwa)."

(Hadis hasan diriwayatkan oleh al-Imam al-Baihaqie dan lain-lain sedemikian dan sebahagiannya terdapat dalam kitab sahih Bukhari dan Muslim.)

Hukum Syarak menetapkan bahawa beban membuktikan adalah terletak kepada pihak yang mendakwa, tidak kira samada dalam kes-kes Jenayah atau tuntutan Mal. Adalah sesuatu yang diketahui umum bahawa dalam kes Jenayah, lazimnya yang mendakwa adalah wakil pemerintah yang menguatkuasakan undang-undang kerana pihak-pihak dalam tindakan kes

jenayah adalah diantara pemerintah (pendakwa) dan tertuduh, manakala dalam kes Mal, yang menuntut akan menjadi pendakwa kerana pihak-pihak dalam tindakan kes Mal adalah diantara individu-individu yang menuntut dan dituntut.

Oleh kerana Johor telah menggunakan Hukum Syarak sebagai asas Undang-Undang semenjak dahulu kala, maka persoalannya, siapakah wakil pemerintah yang dimaksudkan menjalankan tugas mendakwa? Bagi tujuan artikel ini, Penulis menumpukan kepada pencarian di Era pemerintahan Johor Moden sehinggalah penubuhan rasmi Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri pada 1 Januari 2020.

Secara bertulis, Pendakwaan di Mahkamah dalam Negeri Johor dikenalpasti telah wujud seiring dengan penubuhan Mahkamah-Mahkamah dalam Negeri Johor. Enakmen Mahkamah bilangan 16 Tahun 1914 (yang telah memansuhkan Enakmen Mahkamah 1911) telah memperuntukan di bawah seksyen 3 bahawa Mahkamah yang wujud ketika itu (1914) adalah;

- (a) *“Supreme Court”*
- (b) Mahkamah Magistret Kelas Pertama
- (c) Mahkamah Magistret Kelas Kedua; dan
- (d) Mahkamah Kadi dan Pembantu Kadi¹

Walaupun tidak dinyatakan dengan jelas didalam Enakmen-Enakmen tersebut siapakah yang mendakwa dalam kes-kes jenayah, terdapat peruntukan-peruntukan yang jelas menyatakan bahawa suatu rayuan terhadap pelepasan seseorang dari kes jenayah tidak boleh dibuat melainkan dengan sanksi daripada *“Public Prosecutor”*² (Pendakwaraya).

Namun demikian, tidak juga dijumpai kenyataan bahawa tugas pendakwaan di Mahkamah Kadi atau Naib Kadi ketika itu dilakukan oleh seorang “Pendakwaraya” kerana terdapat peruntukan-peruntukan lain bagi kesalahan terhadap orang-orang Islam ketika itu yang hanya boleh dibicarakan di mahkamah-mahkamah Magistret dengan asbab terhadnya bidangkuasa jenayah Mahkamah Kadi atau Naib Kadi tersebut.

Bidangkuasa jenayah Mahkamah Kadi dan Naib Kadi ketika itu adalah terhad untuk menghukum sesuatu kesalahan dengan denda tidak melebihi RM 10.00 (sepuluh) ringgit sahaja³ manakala peruntukan lain kesalahan bagi orang-orang Islam sebagaimana tersebut sebelum ini adalah sebagaimana contoh berikut yang tertakluk kepada bidangkuasa mahkamah Magistret.

- **Enakmen 15/1914 (Enakmen Pendaftaran Pernikahan dan Perceraian orang Islam)**⁴
 1. **Kesalahan mengkad nikah oleh selain Kadi atau Naib Kadi yang dilantik oleh Baginda Sultan** dibawah seksyen 6(ii) boleh dihukum apabila disabitkan dihadapan Magistret dengan denda tidak melebihi RM 50.00.
 2. **Kesalahan bagi para suami yang tidak melaporkan sebarang pernikahan atau perceraian** di Pejabat Kadi atau Naibnya dalam tempoh 7 hari selepas pernikahan/perceraian- denda tidak melebihi RM 50.00 dibawah seksyen 7(ii)
 3. **Kegagalan mana-mana orang Islam untuk memberi keterangan atau mengemukakan dokumen yang diperlukan** apabila disaman untuk berbuat demikian oleh Kadi atau Naibnya dibawah seksyen 8(ii) – denda tidak melebihi RM 10.00 .

- **Enakmen 8/1915: Enakmen mewajibkan kehadiran kanak-kanak Islam ke sekolah-sekolah Kerajaan**⁵

Seksyen 3- **Kesalahan atas kegagalan menghantar anak ke sekolah** – bidangkuasa Magistret dan boleh didenda tidak melebihi RM 5.00 atau penjara tidak melebihi 14 hari.

- **Enakmen 25/1919 : Enakmen Kesalahan Orang-Orang Islam 1919** ⁶
 1. **Seksyen 3- Mengajar tanpa tauliah** – denda tidak melebihi RM 100.00

2. Seksyen 4- **Perempuan yang melacur atau bersekedudukan dengan lelaki**- Kesalahan kali pertama- penjara tidak lebih 1 bulan dan kesalahan berikutnya penjara tidak lebih 3 bulan
3. Seksyen 5- **bersekedudukan selepas talaq** 3- Kesalahan kali pertama denda tidak lebih RM 250.00 dan kesalahan berikutnya tidak lebih RM 500.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan.
4. Seksyen 6- **zina** – lelaki – Penjara tidak lebih 1 tahun dan denda tidak lebih RM 250.00 – perempuan- subahat –penjara tidak lebih 6 bulan.
5. Seksyen 7 – **Sumbang Mahram**- berkahwin dan melakukan hubungan seks dengan mahram- penjara diantara 6 bulan hingga 5 tahun atau/dan denda tidak lebih RM 250.00

- **Enakmen 46/1934 – Enakmen Baitul Mal, 1934⁷**

1. Seksyen 5 – **Kegagalan untuk menghantar laporan** - Denda tidak lebih RM 100.00 dan jika kesalahan berlanjutan tidak lebih RM 50.00 setiap bulan.
2. Seksyen 6- **Kegagalan membayar Bahagian Baitul-Mal**- Denda tidak melebihi RM 100.00 bagi kesalahan kali pertama dan RM 50.00 sebulan bagi setiap kesalahan yang berlanjutan
3. Seksyen 7-**Hukuman bagi kegagalan seseorang hadir dihadapan “Treasurer” (Amin)** setelah disaman berbuat demikian- denda tidak lebih RM100.00 dan jika kesalahan berlanjutan tidak lebih RM 10.00 sehari.

Tugasan berkenaan pendakwaan syariah antara yang dijumpai dan direkodkan adalah dalam **Penyata Jabatan Agama Johor bagi tahun 1930, Fasal 5(1)** yang menyatakan sebagaimana berikut;

“ ... Tugas Kadi Besar pula ialah menjadi Ketua Kadi-kadi bagi mendaftarkan tauliah-tauliah Naib Kadi, nikah, cerai dan rujuk, fasakh, menjaga dan mentadbirkan hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam di Johor dan daerahnya untuk disampaikan kepada pengetahuan Yang

Dipertua Agama. Selain dari itu dia juga bertugas membicara, mendakwa dan menghukum pesalah-pesalah mengikut yang ditentukan oleh undang-undang negeri”

lanya juga dijumpai tercatat dalam Peraturan Zakat dan Fitrah 1962 .**Peraturan 10(4) Zakat dan Fitrah 1962 dengan jelas menyebut;**

“sebarang Pendakwaan terhadap sesuatu kesalahan dibawah jumlahkata ini boleh dijalankan oleh Pemeriksa Hal Ehwal Islam”

Dari petikan di atas, dapat difahami bahawa semenjak tahun 1930an lagi tugas pendakwaan syariah telah dijalankan oleh Kadi Besar (dan/atau wakilnya yang diturunkan kuasa). Kadi Besar (dan Kadi-Kadi), selain menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai Pentadbir Agama, mereka juga bertindak serta merangkap tugas sebagai seorang Penguatkuasa, Pendakwa Hakim sekaligus sebagaimana maksud kebenaran menjalankan kewajiban Amar Maa’ruf Nahi Munkar yang termaktub dalam tauliah perlantikan mereka.

Manakala semenjak tahun 1962 pula, Pemeriksa Hal Ehwal Islam telah menjalankan tugas sebagai seorang pendakwa di Mahkamah Kadi selain daripada menjalankan tugas hakiki penguatkuasaan mereka, seolah-olahnya merekalah yang menguatkuasakan undang-undang dengan terlibat secara langsung dalam proses tangkapan (jika ada) siasatan dan mendakwa sekali gus. Tiada perlantikan atau perjawatan khusus bagi tugasan pendakwaan syariah. Keadaan dan senario sebegini dipercayai berlaku diperingkat awal Pentadbiran Agama Negeri-Negeri, bukan setakat di negeri Johor sahaja malah diseluruh negeri Tanah Melayu.

Penambahbaikan secara berperingkat terhadap sistem Pentadbiran Agama Negeri Johor berterusan apabila Enakmen Pentadbiran Agama Islam bilangan 14/1978 diperkenalkan. Dengan adanya Enakmen ini, seluruh pentadbiran Agama lebih tersusun dari sebelumnya termasuklah bidangkuasa dan tugas Penguatkuasaan, Pendakwaan dan Kehakiman Syariah secara beransur-ansur telah mula diperincikan. Jenis-jenis Kesalahan Jenayah Syariah yang lebih luas daripada Enakmen 25/1919 juga telah diperkenalkan. Peruntukan hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah adalah pemenjaraan sehingga 6 (enam) bulan atau

denda tidak melebihi RM 1,000 atau kedua-duanya selaras dengan “*Muslim Courts (Criminal Jurisdiction) Act 1965 (Akta 355)*”.

Tugas-tugasan dan perantikan Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie telah diperuntukan dengan jelas dibawah seksyen 81 dan 84 manakala penubuhan dan bidangkuasa Mahkamah Syariah juga disusun dan diperjelaskan sekaligus mengeluarkan Mahkamah Kadi dari struktur Mahkamah dibawah Enakmen Mahkamah sebelum ini⁸.

Berdasarkan kepada peruntukan baru tersebut di atas, Penguatkuasa Agama dijelaskan adalah terdiri daripada Pemeriksa Hal Ehwal Agama, Pegawai Polis, Penghulu, Naib Penghulu, Ketua Kampung atau mana-mana Pegawai Agama yang dilantik manakala Pendakwa Syarie dilantik bagi menjalankan tugas-tugas pendakwaan seperti yang dinyatakan mengikut seksyen 84 enakmen yang sama.

Melalui peruntukan Enakmen bilangan 14/1978 ini jugalah, pada tahun 1991, Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Jabatan Agama Johor telah diwujudkan dengan diketuai oleh seorang Ketua Bahagian. Sebelum tahun 1991, tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan adalah dibawah kawalan dan seliaan Kadi Besar dan Kadi-Kadi Daerah.

Penambahbaikan penyusunan pentadbiran agama negeri Johor diperkukuhkan lagi dengan adanya Enakmen Mahkamah Syariah bilangan 12 Tahun 1993⁹. selain penyusunan yang lebih kemas dibuat terhadap institusi Kehakiman Syariah di Negeri Johor, Enakmen ini memperuntukan dibawah seksyen 20, bahawa Bahagian Pendakwaan hendaklah diketuai oleh seorang Ketua Pendakwa Syar’i manakala seksyen 21 pula memperuntukan Bahagian Penguatkuasaan hendaklah diketuai oleh seorang Ketua Penguatkuasa Agama..

Selanjutnya, Enakmen Kesalahan Jenayah dan Kanun Prosedur Jenayah Syariah Johor 1997¹⁰ memperkenalkan peruntukan kesalahan-kesalahan yang lebih baik dengan peruntukan hukuman yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah terhadap pesalah jenayah syariah adalah pemenjaraan sehingga 3 tahun atau denda sehingga RM 5,000 atau sebatan sehingga 6 kali atau kombinasi ketiga-tiga hukuman tersebut selaras dengan “*Muslim Courts (Criminal Jurisdiction)(Amendment) Act 1984*”. Prosedur dan Tatacara tindakan, tanggungjawab dan

peranan Penguatkuasa yang lebih kemas dan teratur diperuntukan didalam bahagian 3 bab 2, Enakmen Prosedur Jenayah manakala tanggungjawab dan peranan bahagian Pendakwaan diperuntukan di bahagian 7 bab 2 Enakmen sama selaras dengan perantikan mereka di bawah Enakmen Mahkamah Syariah 1993 tersebut di atas.

Dengan peningkatan kesedaran diseluruh negara bahawa **Pendakwa Syarie tidak boleh terlibat dengan sebarang tangkapan dan siasatan** bagi mengelakkan berlakunya fitnah terhadap mana-mana pihak dan hanya mengendalikan kes-kes yang telah dilengkapkan oleh penguatkuasa untuk dibicarakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah melalui pembuktian dan kesaksian yang dibenarkan oleh hukum Syarak, Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Undang-Undang Islam seluruh Malaysia dalam mesyuaratnya **pada 29hb. September 1998 telah meminitkan keputusan bahawa Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan hendaklah dipisahkan**. Selaras dengan perkembangan semasa dan semangat penyeragaman Undang-Undang Pentadbiran Syariah di seluruh Negara, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) Bil.19/2003¹¹ diperkenalkan dan telah memansuhkan Enakmen Kanun Prosedur Jenayah Syariah 1997. Pada masa yang sama juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) Bil.16/2003 turut diperkenalkan memansuhkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam bilangan 14/1978 dan Enakmen Mahkamah Syariah Bil. 12/1993 sekali gus merupakan Enakmen Pentadbiran yang berkuatkuasa dan digunakan sehingga ke hari ini¹².

Dibawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 yang lebih tersusun dan terkini ini telah memperuntukkan mengikut seksyen 78, bahawa Ketua Pendakwa Syarie hendaklah dilantik oleh DYMM Tuanku Sultan Johor selepas mendapat nasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor dan timbalannya dilantik oleh Ketua Pendakwa Syarie, manakala perantikan Ketua Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguatkuasa adalah sebagaimana diperuntukan di bawah seksyen 79 Enakmen yang sama.

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam (MKI) kali ke-56 yang diadakan pada 16 Januari 2014 telah menimbangkan dan menerima cadangan pengasingan Bahagian Pendakwaan dinaiktaraf sebagai Jabatan Pendakwaan Syariah.

Keputusan sebulat suara di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Mac 2015 telah

bersetuju dengan cadangan dalam menaiktaraf Bahagian Pendakwaan menjadi Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri.

Pada peringkat Negeri Johor, Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Johor kali ke 201 pada 28 Mei 2015 telah menerima maklum dan bersetuju untuk pengasingan tersebut.

- **LOKASI PEJABAT BAHAGIAN PENDAKWAN**

Sebelum diperjabatkan, semua tindakan Pendakwaan adalah bermula dan berpusat di ibu pejabat Jabatan Agama Johor. Diantara tahun 1998 sehingga 2005, terdapat cawangan Bahagian Pendakwaan di Batu Pahat bagi memudahkan urusan Pendakwaan di daerah Batu Pahat, Muar, Segamat dan Kluang tetapi smenejak 2005 semuanya telah kembali bertumpu di Ibu Pejabat, Pusat Islam Iskandar, Johor Bahru. Sebelum tahun 2004, ibu pejabat Bahagian Pendakwaan berkongsi ruang pejabat dengan Bahagian Penguatkuasaan di Aras Bawah, Blok A , Kompleks Islam Johor. Pada tahun 2005, Bahagian Pendakwaan telah mempunyai pejabatnya sendiri di Tingkat 1, Blok B, Pusat Islam Iskandar, Jalan Masjid Abu Bakar, Johor Bahru sehinggalah sekarang. Semenjak menjadi Jabatan sendiri, Ibu Pejabat Jabatan Pendakwaan masih kekal di Blok B, Pusat Islam Iskandar manakala cawangan-cawangan daerah selain Johor Bahru menumpang di pejabat-pejabat Kadi Daerah diseluruh Negeri Johor. Terkini, Jabatan Pendakwaan juga membagikan tugas pengawalan mengikut 3 zon, dengan pejabat zon kawalan terletak di daerah dimana terdapatnya Mahkamah Tinggi iaitu di **Johor Bahru** sebagai Pejabat kawalan zon Selatan mengawasi daerah Johor Bahru, Pontian, Kota Tinggi dan Kulai, di **Kluang** sebagai Pejabat kawalan Zon Tengah mengawasi daerah Kluang, Batu Pahat dan Mersing dan di **Muar** sebagai Pejabat kawalan Zon Utara mengawasi daerah Muar, Tangkak dan Segamat.

- **WARGA KERJA BAHAGIAN PENDAKWAAN**

Sehingga bulan Jun tahun 2007, Bahagian Pendakwaan dianggotai oleh 7 (tujuh) anggota pekerja diketuai oleh seorang Ketua Pendakwa Syarie (S48) -Tn. Hj Abdul Karim bin Yusof, tiga orang pegawai pendakwa, setiap seorang dengan skim (S44)- Ust Muhammad Khalil bin

Md Noor, (L41)- Ust. Ahmad Wafi bin Abdullah dan (S41)-Ust Mahyudin bin Md Sarip, seorang pembantu tadbir (N17)- En. Mahdon bin Tasim, seorang Pembantu Hal Ehwal Islam (S17) Pn Sarina bt Abdul Rashid dan seorang Pekerja Rendah Awam (R1)- En Zulkifli bin Haron. Pada masa sama juga terdapat Pembantu Pendakwa di seluruh Daerah yang dilantik dan ditauliahkan dikalangan Penguatkuasa Agama bagi tujuan menyebut dan membawa kes-kes di Mahkamah Syariah dengan kebenaran Ketua Pendakwa Syarie¹³. Bermula 2007, kesemua Pendakwa Syarie dilantik adalah dari kalangan skim Pegawai Syariah (LS) sebagaimana penyelarasan yang dilakukan di seluruh negara¹⁴.

Bermula 16hb. November 2007, Bahagian Pendakwaan telah menerima penempatan pegawai baru seramai 11 orang dari kalangan Pembantu Syariah (LS17) dan ditempatkan di daerah-daerah seperti berikut:

- 1) En.Mohd Azrai bin Maslar (Ibu Pejabat)
- 2) Puan Yuzriana binti Othman (Ibu Pejabat)
- 3) Cik Wahida binti Abd Rased (Ibu Pejabat)
- 4) En. Syahrul Nizam bin Salim (Johor Bahru)
- 5) En. Sharunizam bin Ishak (Muar)
- 6) Puan Maznah binti Mohamad (Batu Pahat)
- 7) Puan Bahiyah binti Bajuri (Segamat)
- 8) En. Abdul Syukor bin Masiran (Kluang)
- 9) En. Ahmad Shahril Bin Basir (Pontian)
- 10) Pn Rohana Binti Tukiman (Kota Tinggi)
- 11) Cik Dewi Kurniati Binti Ngadiman (Mersing)

dan kemudian dituruti dengan 2 orang Pegawai Syariah (LS41) pada 26hb November 2007 iaitu Ustazah Norah binti Ali dan pada 1hb. Disember 2007 iaitu Ustaz Afizul Hakim bin Ibakarim bagi menggantikan Ustaz Mahyudin yang telah berpindah bahagian. Mereka ini kemudian telah dilantik sebagai Pendakwa-Pendakwa Syarie dan Timbalan-Timbalan Pendakwa Syarie Negeri Johor dan ditempatkan di ibu pejabat serta di seluruh daerah Negeri Johor. Pada bulan Ogos 2008 pula penempatan lapan (8) kerani N17 dan tujuh (7)

Penghantar Notis N3 telah ditempatkan di ibu pejabat dan seluruh daerah dalam negeri Johor.

Kelulusan penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor pula membawa bersama kewujudan 57 waran perjawatan iaitu 1 LS52, 1 LS44, 5 LS41/44, 6 LS29,10 LS17, 2 W17, 14 N17, 2 N11 (pemandu) dan 11 N11 (Penghantar Notis). Jabatan ini juga mempunyai Pusat Tanggungjawabnya (PTJ) nya sendiri dan menguruskan Pentadbiran dan Kewangan sendiri.

- **AKTIVITI BAHAGIAN**

Aktiviti bahagian yang utama adalah mengendalikan pendakwaan dalam kes-kes jenayah syariah di Mahkamah-Mahkamah Syariah di seluruh negeri Johor, selaras dengan objektif dan piagam pelanggannya. Terdapat 11 (sebelas) buah Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Johor iaitu Mahkamah Rendah Syariah disetiap 8 (lapan) daerah, 3 (tiga) Mahkamah Tinggi Syariah di Johor Bahru, Muar dan Kluang serta 1 (satu) Mahkamah Rayuan Syariah di ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor di Johor Bahru. Tugas Jabatan ini bermula dengan penerimaan fail siasatan daripada Bahagian Penguatkuasaan, penelitian dan penyemakan fail tersebut sehinggalah keputusan mendakwa, pendakwaan dan rayuan dilakukan jika perlu. Pada masa sama bahagian ini juga merupakan tempat rujukan Bahagian Penguatkuasaan untuk menerima kebenaran menyiasat bagi kes-kes tidak boleh tangkap¹⁵ sebelum sesuatu tindakan Penguatkuasaan dilakukan.

- TN HJ DZULKAFI BIN MUHAMMED - (2.8.1998-16.9.2003)
- TN AHMAD WAFI BIN ABDULLAH - (4.2.1999-sekarang)
- TN HJ BAHRAIN BIN JALAL - (16.2.2001-16.9.2005)
- TN HJ MOHD TAUFIQ BIN DATO' SHAMSUDIN - (1.6.2001- 2005)
- TN HJ AMIR BIN MD NOOR - (1.6.2001-2005)
- TN AMINUDDIN BAKI BIN MAHMOOD - (2002-2004)
- TN MAHYUDIN BIN MD SARIP - (1.10.2005-2007)
- TN MUSTAFFA BIN OMAR - (16.9.2004-31.3.2007)
- TN MOHAMAD KHALIL BIN MD NOOR - (1.4.2007- 31.3.2009)
- TN AFIZUL HAKIM BIN IBAKARIM - (26.11.2007-30.3.2010)
- PN NORAH BINTI ALI - (1.12.2007- sekarang)
- TN SYAIFUL FADZLI BIN MOHD FOZI - (2.8.2010-14.5.2019)
- PN KHAIRUL MAZIDAH BINTI ZARKASYI - (2.8.2010-2011)
- TN MOHD NORSHAHNIZAM BIN NORIZAN - (2.8.2010-2012)
- TN MOHD FATHULLAH BIN MOHD AZNAM - (2.8.2010-2011)
- PN AISYAH BINTI ABU BAKAR - (2.8.2010-2011)
- TN MOHD FAIRUZ BIN ABD AZIZ - (1.12.2010-2.7.2016)
- PN NORMAH BINTI ABDUL RAHMAN - (16.8.2012-sekarang)
- TN AHMAD SAHRIL BIN BASIR - (16.8.2012-sekarang)
- TN HAMIDON BIN MOHD TAMRINAN - (16.8.2012-sekarang)
- PN NOORUL BADARIAH ABD MAJID - (1.1.2014-sekarang)
- PN UMMU SALMAH BINTI SUKAYAT @ SULEIMAN - (3.7.2016-sekarang)
- TN MUHAMMAD LUTFI BIN MD LATIB - (19.6.2019-sekarang)
- TN AZRY ISMAIL BIN HASSAN - (19.6.2019-sekarang)
- PN PUTERI HASLIN NURAI SYAH BINTI HASBULLAH - (16.1.2025-sekarang)
- PN SHAHZANA BINTI MUHAMMAD SHAFIQ - (16.1.2025-sekarang)
- CIK UMMU UMAIRAH BINTI MOHD WAJI - (16.1.2025-sekarang)
- CIK SITI NURAZYAN NAJWA BINTI JOHARI - (16.1.2025-sekarang)

SENARAI KETUA PENDAKWA SYARIE

- TN. HJ. SYED ALI BIN ABU BAKAR (DATO')-(1991-1994)
(KPP PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN)
- TN. HJ NOOH BIN GADOT (DATO')- (1994-1996)
(KPP PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN)
- TN HJ ABU BAKAR WATAK (1996-2000)
(KPP PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN)
- TN HJ ABDUL KARIM YUSOF (2000-2001)
(KPP PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN)
- TN HJ ABDUL KARIM YUSOF (2001-31/12/2009)
(KPP PENDAKWAAN)
- AHMAD WAFI BIN ABDULLAH (3/2/2010-2014)
(KPP PENDAKWAAN)

- MOHD ZULFAHMI BUNAIM (2014-2019)
(KPP PENDAKWAAN)
- AHMAD WAFI BIN ABDULLAH (2019-sekarang)
(PENGARAH PENDAKWAAN)

**SENARAI MEREKA YANG PERNAH MENJADI TIMBALAN PENDAKWA SYARIE DARI
KALANGAN PENGUATKUASA AGAMA (S17)**

(mengikut tarikh lantikan- sebelum kemasukan LS17 pada 16 November 2007)

- HJ RABU BIN YUSOFF (1.7.1999- pencen)
- SELAMAT BIN MOHAMAD (1.7.1999-berpindah)
- YUSOF BIN SABERAH (26.7.1999)
- KALSOM BINTI ABDULLAH (1.7.1999)
- NASRI BIN SELAMAT (1.7.1999)
- AMAN BIN APAN (1.7.1999- pencen)
- NAZARINA BINTI ABD MAJID (1.7.1999-berpindah)
- ZAINORDIN BIN ROSLAN (1.7.1999-berpindah)
- RUMAIZI BIN DERAPAR (1.7.1999-berpindah)
- ZULKIFLI BIN MD NOR (1.7.1999)
- ISMAIL BIN SALAM (1.7.1999-berpindah)
- SAANAH SUKIMI (1.7.1999-berpindah)
- MALIK BIN MASAI (1.7.1999)
- KHAIRUDDIN BIN ALI (1.7.1999)
- KHAIRUDDIN BIN SALLEH (1.7.1999)

- SITI FARIDAH BINTI LAINGGEH (1.7.1999)
- KHAIRUDDIN BIN SUPIAN (1.7.1999)
- JALIL BIN ATAN (1.7.1999)
- RADZI BIN SULAIMAN (1.7.1999)
- AMIR HAMZAH BIN BACHOK (1.7.2001-berpindah)
- HAIRUL FAIZAL BIN SAPRIN (1.7.2001)
- HJ NORDIN BIN MOHAMMAD (1.7.2001)
- ZALIFFAH BINTI IBRAHIM (30.3.2004-berpindah)
- ABDUL RAZAK BIN BACHOK (30.3.2004-berpindah)
- MOHD SHAHRUNIZAM BIN ISHAK (30.3.2004)
- SARIFUDDIN BIN ABD RASID (30.3.2004)
- MOHD ANUAR BIN KOSNIN (30.3.2004)
- ZAHRIZAL BIN MOHAMAD (30.3.2004-berpindah)
- MOHD AL-HAFIDZ BIN MD YUNUS(30.3.2004)
- ROSLI BIN AHMAD (8.3.2006)
- MANIS BT SENIN (8.3.2006)

SENARAI NAMA PENDAKWA SYARIE DARI KALANGAN PEMBANTU SYARIAH LS17

(kemasukan pada 16 November 2007)

- TN HJ Syahrul Nizam Bin Salim (2007-2019)
- PN Yuzriana Binti Othman (2007-2019)
- PN Wahida Binti Abdul Rased (2007-2019)
- PN Bahiyah Binti Bajuri (2007-2019)
- PN Dewi Kurniati binti Mohd Ngadiman (2007-2019)
- PN Rohana Binti Tukiman (2007-2019)
- EN. Mohd Sharunizam Bin Ishak (2007-2019)
- pn maznah binti BINTI MOHAMMAD (2007-2019)
- PN Nurul Raudah Bt Dulkarim (2016-2019)
- PN Nur Hidayah binti Aziz (2016-2019)
- EN. Muhd Firdaus Bin Musa (2016-2019)
- EN. Mohammad Amjad Bin Mohd NOH (2016-2019)

BEBERAPA FAKTA MENARIK MENGENAI JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI JOHOR.

1. Kertas Cadangan Pengasingan Bahagian Pendakwaan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor untuk dinaiktaraf kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Takzim pada 25 April 2017.
2. Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan Persetujuan Penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor diperolehi pada 6 Ogos 2018.
3. Kelulusan Perjawatan Bil. N35 Tahun 2019 oleh Kementerian Kewangan Malaysia diterima pada 4 Julai 2019.
4. Kelulusan Pengujudan Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi perjabatan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor diperolehi pada 29 September 2019.
5. Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai Penubuhan dan Perjawatan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor diperolehi pada 9 Oktober 2019.
6. Surat Kebenaran Perjawatan (waran "A") Bil 2 Tahun 2019 oleh Menteri Besar diperolehi pada 7 November 2019.
7. Persetujuan Jabatan Agama Islam Negeri Johor bersama Bahagian Pendakwaan Syariah pada 12 Disember 2019 bahawa tarikh mula operasi Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor serta pengasingan fungsi Bahagian Pendakwaan daripada Jabatan Agama Islam Negeri Johor adalah pada 1 Januari 2020
8. Bilangan perjawatan kakitangan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor sebagaimana yang telah diluluskan adalah sebanyak 57 perjawatan dengan 38 perjawatan telah di isi dengan perjawatan sediaada di seluruh Negeri Johor dipindahkan daripada Jabatan Agama Islam Johor ke Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor ditempatkan juga diseluruh Negeri Johor.
9. Usaha-usaha penubuhan Jabatan ini telah diketuai oleh Ketua-Ketua Pendakwa Syarie sebelum ini dan dimuktamadkan di bawah kepimpinan Tuan Haji Zulfahmi bin Bunaim. Manakala perlantikan dan pentauliahn ketua jabatan yang pertama iaitu Tuan Haji Ahmad Wafi bin Abdullah telah diperkenan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Al Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluk Johor Darul Takzim pada 8/10/2019.

10. Gelaran ketua jabatan bagi Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor adalah "Pengarah" sebagaimana catatan dalam Surat Kelulusan Perjawatan bilangan N35 Tahun 2019 manakala bagi urusan berkaitan dengan tanggungjawab dan tugas hakiki pendakwaan syariah adalah dengan menggunakan gelaran "Ketua Pendakwa Syarie" bagi maksud Ketua Jabatan.
11. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor adalah diletakkan di bawah struktur organisasi Jemaah Majlis Agama Islam Negeri Johor

¹ Disebut sebagai "*The Court of a Kathi and the Court of Assistant Kathi*"

² Seksyen 28(iii) Enakmen 16/1914 dan Seksyen 34(iii) Enakmen 17/1920

³ Seksyen 56(iv) Enakmen 16/1914 dan Seksyen 69 (d) Enakmen 17/1920.

⁴ "*The Muhammadan Marriage dan Divorce Registration Enactment, 1914*" Dari 17 seksyen keseluruhannya dalam Enakmen ini, hanya 3 memperuntukan tentang kesalahan.

⁵ "*The School Attendance Enactment 1915*" Dari 4 seksyen keseluruhan, hanya 1 memperuntukan tentang kesalahan.

⁶ *The Offences by Muhammadans Enactment, 1919*" Dari 9 seksyen keseluruhan, 5 adalah peruntukan kesalahan.

⁷ Daripada 15 seksyen keseluruhan, 3 memperuntukan kesalahan.

⁸ Penguatkuasaan Enakmen 14/1978 ini jugalah bermulanya pengurangan pergantungan terhadap Akta Acara Jenayah (CPC) dan Akta Keterangan 1950. Pergantungan terhadap Akta-Akta tersebut terhenti sepenuhnya dengan berkuatkuasanya Enakmen Prosedur Jenayah Syariah 1997 yang kemudian dipinda dengan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 dan Enakmen Keterangan Syariah 1993 yang kemudian dipinda dengan Enakmen Keterangan Syariah (Negeri Johor) 2003.

⁹ Berkuatkuasa semenjak 15 Julai 1994

¹⁰ Berkuatkuasa 8hb. Julai 1998

¹¹ berkuatkuasa pada 1 hb. April 2004

¹² 5 (lima) Enakmen baru telah diluluskan pada tahun 2003 di Johor menggantikan enakmen-enakmen terdahulu iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003, Enakmen Tatacara Mal 2003, Enakmen Keterangan Syariah 2003 dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2003 selaras dengan penyeragaman enakmen tersebut di seluruh negara

¹³ Sila lihat lampiran bagi senarai nama Pendakwa, Ketua Pendakwa dan Penolong Pendakwa yang pernah dan sedang berkhidmat di negeri Johor semenjak tahun 1978

¹⁴ Pendakwa Syarie hendaklah dilantik dari kalangan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Syariah Negeri Johor dibawah skim (LS) sebagaimana peruntukan seksyen 78(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003.

¹⁵ Kes tidak boleh tangkap adalah kes-kes yang tidak boleh ditangkap tanpa waran dikeluarkan oleh pihak Mahkamah. Lazimnya ianya adalah kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan tidak *melebihi 1 (satu) tahun*. Lihat tafsiran pada seksyen 2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Rujukan ;

- **Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor**, Abd. Jalil bin Borham Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002
- **Mahkamah Syariah Dari Abad Ke Abad**, Abdul Monir Yaacob, Jurnal Syariah, Jil. 29, Bil. 3 (2021) 403-428
- **Islam Di Malaysia Pada Zaman Penjajahan Inggeris**, R.Sivaperegasam P.Rajanthiran Proceedings Of The Third Seminar On National Resilience], 283
- **Perkembangan Penyeragaman Undang-Undang Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri**, Zanariah Dimon, International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference, 6th APRIL 2021
- **Peranan Jabatan Agama Islam Dan Agensi Kerajaan Di Negeri Johor Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam Sewaktu Pemodenan Johor, 1862-1941**, Muhammad Izuan Abdul Rahman, JURNAL SEJARAH